

MINIT MESYUARAT BRIGED 5S KE-51 (2/2015)
FAKULTI SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Tarikh : 22 Mei 2015 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi
Tempat: Bilik Mesyuarat Pengurusan Fakulti (102), Fakulti Sains

Kehadiran:

Pn. Fairuz Bawaze'er Muchtar	- Pengerusi
En. Muhammad Raznisyafiq Razak	- Timbalan Pengerusi
Pn. Nurhidayu Jamaludin	
Pn. Halimah Hj. Noh	
En. Sabri Omar	
Pn. Norhaslinda Noruddin	
En. Khairul Hafiz Mohammad	
En. Mohd. Hisam Abdullah	
En. Zainal Zahari Zakaria	
En. Hidir Hashim	
Pn. Khadzamah Khalid	
Cik Syahira Izzati Ngadiman	
Pn. Aida Shakilla Khairuddin	- Setiausaha

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Pn. Zaidina Mohd Daud
Pn. Nik Afida Anis Nik Azahari

MINIT
51.01

ALUAN PENERUSI

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab.

Puan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran semua ahli ke mesyuarat kali ini yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pengurusan Fakulti (102), Fakulti Sains.

MINIT
51.02

PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Briged 5S ke-50 yang telah diadakan pada 9 Mac 2015 disahkan tanpa sebarang pindaan.

Makluman : Semua

MINIT
51.03

PENGESAHAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN 5S
FAKULTI SAINS

Mesyuarat mengesahkan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan 5S Fakulti Sains dengan beberapa pindaan. Mesyuarat bersetuju agar aris panduan tersebut hendaklah disediakan sebelum Audit Pensijilan Semula oleh MPC yang dijadualkan pada 17 Jun 2015.

**Tindakan: Timbalan Pengerusi
Makluman : Semua**

**MINIT
51.04**

TARIKH AUDIT DALAMAN 3

Mesyuarat:

- a) dimaklumkan mengenai keputusan Audit Dalaman Kali Ke-2 dimana didapati penurunan markah berlaku pada setiap zon yang diaudit;
- b) bersetuju agar langkah-langkah harus ditingkatkan untuk menghadapi Audit Dalaman Kali Ke-3 dan juga Audit MPC; dan
- c) bersetuju untuk mengadakan Audit Dalaman Kali ke-3 pada 28 Mei 2015 (Khamis).

Tindakan/makluman : Semua

**MINIT
51.05**

MARKAH AUDIT DALAMAN 2

Mesyuarat mengambil maklum mengenai laporan markah Audit Dalaman Kali Ke- 2 Briged 5S yang telah dijalankan pada 29 April 2015 sebagaimana yang dibentangkan oleh Ketua Unit Audit. Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian antaranya ialah:

- i. parking basikal di laluan pejalan kaki di Jabatan Matematik. Tindakan yang dicadangkan untuk diambil adalah dengan mengeluarkan notis "TIDAK DIBENARKAN PARKING DI TEMPAT INI" supaya pelajar tidak lagi meletakkan kenderaan di tempat tersebut;
- ii. cadangan untuk mengisytiharkan makmal-makmal penyelidikan di Bangunan Fakulti Sains 2 untuk dimasukkan ke dalam skop;
- iii. turut dicadangkan adalah dimulakan dengan makmal alatan di mana akan dibincangkan pada mesyuarat akan datang;
- iv. Peratusan pencapaian keseluruhan bagi Audit Dalaman Kali Ke-2 adalah 78%. Peratusan ini agak menurun jika dibandingkan dengan peratusan keseluruhan Audit Dalaman Pertama;
- v. Pengerusi menyarankan semua ahli Fakulti untuk bersama-sama meningkatkan markah keseluruhan pada Audit Dalaman Kali- Ke-3 yang akan datang.

Tindakan /Makluman : Semua

MINIT
51.06

PERSEDIAAN AUDIT MPC

Mesyuarat :

- a) bersetuju untuk mengadakan Audit Pensijilan Semula MPC pada 17 Jun 2015;
- b) mengambil maklum bahawa semua ahli perlu bersedia untuk menghadapi Audit Pensijilan Semula MPC tersebut dan semua cuti rehat dibekukan pada tarikh tersebut;
- c) memohon agar semua ketua zon memastikan zon masing-masing bersedia untuk di audit; dan
- d) Ketua Unit Promosi juga diminta untuk mengedarkan email serta poster hebahan mengenai Audit MPC pada semua ahli Fakulti.

**Tindakan: Ketua-Ketua
Zon/ Ketua Unit
Promosi/Ketua Unit Audit
Makluman : Semua**

MINIT
51.07

PENGGANTI PENASIHAT STRATEGIK JABATAN KIMIA (PROF. DR. MOHD ASPOLLAH HJ. MD. SUKARI)

Mesyuarat mengambil maklum mengenai kekosongan jawatan Penasihat Strategik Jabatan Kimia setelah Penasihat Strategik sedia ada iaitu Prof. Dr. Mohd Aspollah Hj. Md. Sukari telah pun bersara pada 19 Mac 2015; dan

Ketua Zon Kimia diminta untuk berbincang dengan Ketua Jabatan bagi mendapatkan nama pengganti Penasihat Strategik Jabatan Kimia.

**Tindakan: Ketua Zon
Jabatan Kimia
Makluman : Semua**

MINIT
51.08

CARTA PERBATUAN

Mesyuarat bersetuju dengan carta perbatuan yang disediakan oleh En. Raznisyafiq Razak selaku Timbalan Pengerusi untuk diguna pakai sebagai rujukan untuk amalan 5S Fakulti Sains.

Makluman : Semua

MINIT
51.09

HAL-HAL LAIN

1. Penyediaan Templet Keseragaman

Mesyuarat bersetuju untuk menerima dan menggunakan contoh templet-templet yang disediakan oleh Ketua Unit Keseragaman di setiap Zon bagi tujuan mengekalkan keseragaman.

Makluman : Semua

MINIT
51.10

PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Puan Pengerusi.